

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 6 APRIL 2015

RUJUKAN : 7722

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian dalam membanteras penularan gejala rasuah dalam Jabatan Imigresen memandangkan jabatan ini berada di tempat teratas mengikut laporan anti rasuah yang dibentangkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kepada Kabinet baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen Kementerian Dalam Negeri dalam membanteras penularan gejala rasuah dalam Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah dengan mewujudkan Bahagian Integriti, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang mempunyai enam (6) fungsi teras yang dibahagikan kepada unit-unit berikut:

(i) PENGURUSAN ADUAN

Sepanjang tahun 2014, Unit Aduan telah menerima dan mendaftar sebanyak 415 pelanggaran salahlaku jenayah dan pelanggaran tatakelakuan warga Jabatan Imigresen Malaysia. Pengendalian aduan ini berdasarkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Pekeliling Pengurusan Aduan (BPA) dan Perkeliling Perkhidmatan berkaitan dengan piagam pengurusan aduan ini dalam satu hari berkerja.

Pengurusan aduan yang efisien akan dan telah menggalakkan penyaluran maklumat salahlaku dan maklumat berkaitan perkhidmatan yang disampaikan oleh orang awam untuk tindakan pembetulan oleh JIM.

(ii) PENGESANAN DAN PENGESAHAH

Dipertanggungjawab untuk menjalankan siasatan melalui Kertas Siasatan Tatatertib ke atas pelanggaran tatakelakuan warga JIM. Unit ini juga menjalankan risikan dan profiling ke atas pegawai-pegawai yang diadu terlibat dengan pelanggaran tatatertib. Dari tempoh 2012 sehingga 2014 sebanyak 350 kertas siasatan tatatertib telah dibuka di mana 140 telah diberi keputusan tindakan tatatertib sama ada Buang Kerja, Turun Pangkat, Amaran, Turun Gaji, Tanggung Pegerakan Gaji dan Lucut Hak Emolumen.

(iii) PEMATUHAN

Unit Pematuhan berfungsi melaksanakan Naziran, Pemeriksaan dan Pemantauan di pintu-pintu masuk udara, darat dan laut terhadap Dasar, Undang-Undang, Kod Etika dan Peraturan yang berkaitan dengan tatakelakuan dan Etika Organisasi. Unit ini juga meneliti Audit Dalam KDN, Jabatan Audit Negara serta Jabatan Akauntan Negara ke atas semua Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) untuk mengenalpasti pelanggaran tatakelakuan dan ketidakpatuhan prosedur kerja untuk tindakan tatatertib. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 48 lawatan naziran dan pemeriksaan telah dilaksanakan.

(iv) PENGUKUHAN INTEGRITI

Unit Pengukuhan Integriti bertindak melaksanakan bengkel-bengkel dan program-program yang melibatkan mengukuh dan menimbulkan kesedaran, keinsafan dan pentingnya membudayakan integriti dalam kehidupan harian terutamanya di tempat kerja tanpa mengira tempat dan situasi pada setiap masa bagi melahirkan warga jabatan yang berperibadi unggul, etika yang luhur dan mempunyai mentaliti kelas pertama. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 30 program dan bengkel telah dilaksanakan yang melibatkan 1,400 warga jabatan telah menghadiri program/ bengkel tersebut. Unit ini juga terlibat dalam penyediaan Takwim Program Kesedaran/ Pemantapan Integriti selaras Pelan Integriti Jabatan Imigresen Malaysia 2013-2015.

(v) TADBIR URUS

Unit Tadbir Urus bertanggungjawab meneliti dan mengkaji amalan Sistem Prosuder Kerja (SOP) JIM yang membuka kepada ruang dan peluang rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta kelemahan pentadbiran. Pelaksanaan tugas ini berdasarkan *Management Tool, Corruption Risk Management (CRM)*, Prosuder Kualiti Operasi Arahan Tetap, Arahan Pentadbiran dan Pekeliling Jabatan. Sepanjang tahun 2014, unit ini telah menambahbaik 2 pekeliling, mengadakan 4 program khidmat nasihat dengan Bahagian/ Negeri yang telah

dilaksanakan selaras dengan Terma Rujukan Pengurusan Risiko SPRM. Unit ini juga menjadi urusetia kepada Mesyuarat JITU di peringkat Jabatan dan Kementerian.

(vi) **PENGURUSAN TATATERTIB**

Unit Pengurusan Tatatertib melaksanakan tugas yang melibatkan Kursus Pengurusan Tatatertib mengikut tujuh (7) zon yang telah dikenalpasti selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (1993). Unit ini juga menyediakan Kertas Lembaga Tatatertib bagi pertimbangan Lembaga Tatatertib (LTT) JIM No.1 dan No.2, menyediakan Kertas Pertimbangan Penentuan di bawah Peraturan 35, menyediakan Kertas Pertimbangan Prima Facie/ Wujud Sesuatu Kesalahan dan juga menyediakan Kertas Pertimbangan Penentuan Hukuman. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 350 kertas siasatan tatatertib telah dibuka di mana 140 kertas siasatan telah diberi keputusan tindakan tatatertib sama ada Buang Kerja, Turun Pangkat, Amaran, Turun Gaji, Tanggung Pegerakan Gaji dan Lucut Hak Emolumen termasuk 2 kes rujukan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kepada jabatan telah diambil tindakan.

Untuk makluman, JIM telah mewujudkan kolaborasi dengan agensi penguatkuasa lain contohnya kerjasama antara JIM dan SPRM dalam membongkar kes PLKS tidak teratur di Lahat Datu, Sabah dengan tertangkapnya 8 orang warga JIM dan 10 orang

warga Pakistan serta pembatalan 205 Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) warga Pakistan yang tidak teratur pada Januari 2015.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri secara peribadi telah mengadakan dua (2) kali lawatan rasmi ke JIM iaitu pada 1 Disember 2014 dan 22 Januari 2015 di mana beliau telah menegaskan dalam ucapannya kepada warga JIM bahawa Kementerian Dalam Negeri sentiasa memantau dan peka ke atas apa jua yang berlaku di Jabatan dan tidak teragak untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana warga JIM yang tidak memberi perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada pelanggan yang berurusan di Jabatan tersebut. Ketegasan Menteri Dalam Negeri menunjukkan Kementerian Dalam Negeri tidak berkompromi dalam isu-isu integriti dan rasuah.

Kementerian Dalam Negeri akan memastikan JIM melalui Bahagian Integriti akan sentiasa memberi komitmen dalam membanteras penularan gejala rasuah dalam Jabatan tersebut bagi memastikan warga JIM tidak terlibat dalam penglibatan rasuah dan salahguna kuasa. Telah wujud juga Jawatankuasa Pengurusan Integriti Agensi-Agenzi di bawah KDN yang terdiri daripada Unit Integriti JIM, Unit Integriti PDRM, Unit Integriti JPN, Unit Integriti Jabatan Penjara, Unit Integriti RELA, Unit Integriti AADK dan Unit Integriti KDN sebagai pengerusi untuk penyelarasan aktiviti dan tindakan pengukuhan integriti.